

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
FESTIVAL NASYID PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1441H / 2019M

1.0 PENDAHULUAN

Pertandingan Nasyyid Peringkat Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu aktiviti Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah program rasmi keagamaan untuk membangunkan masyarakat yang cemerlang, berilmu dan diredhai oleh Allah melalui dakwah bersepadu dengan menggunakan media Seni Nasyyid sebagai wadah untuk mengembangkan lagi syiar Islam dan penghayatan masyarakat terhadap Islam.

2.0 OBJEKTIF

Festival Nasyyid adalah bertujuan:

- 2.1 Mempertingkatkan, memperkembangkan serta mempopularkan lagu seni nasyyid sebagai satu budaya masyarakat Islam yang berunsur keagamaan untuk dakwah dan pembangunan.
- 2.2 Menimbulkan minat masyarakat terutamanya generasi baru terhadap kesenian lagu nasyyid dan menggalakkan mereka menghayatinya dalam kehidupan harian.
- 2.3 Menarik minat pencipta-pencipta lagu dan penulis-penulis lirik supaya melibatkan diri secara aktif dalam dakwah “bil hal” dan pembangunan insan melalui ciptaan yang berunsurkan nilai-nilai Islam dan kemanusiaan sejagat.
- 2.4 Mencetuskan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memainkan peranan lebih positif dalam pembangunan Negara dan penerapan nilai-nilai lagu yang bermutu dan gaya penyampaian yang efektif.
- 2.5 Mengembangkan seni nasyyid di kalangan masyarakat sebagai alternatif dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi seni budaya muzik yang bermutu di Negara ini.

3.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

3.1 Kumpulan Nasyid

Kategori	Bilangan Ahli Kumpulan	Muzik iringan
i) Terbuka (Tradisi/ Moden)	6 orang	<i>Minus-one</i>

* ***Tidak termasuk Jurulatih dan Pengurus***

3.2 Had Umur Peserta : **18 hingga 45 tahun (pada tahun semasa)**

3.3 Penyertaan terbuka kepada semua Kumpulan Nasyid yang terdapat di Pulau Pinang sama ada Pertubuhan-pertubuhan Belia, Kakitangan Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Maktab-maktab Perguruan, Institut Pengajian Tinggi, Sektor Swasta, Kelab-kelab Kebajikan dan lain-lain.

3.4 Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada 6 orang ahli. Peserta bagi setiap kumpulan juga tidak boleh bercampur di antara lelaki dan perempuan.

3.5 Peserta nasyid, pencipta lagu dan penulis lirik hendaklah **Warganegara Malaysia.**

3.6 Perbelanjaan pergi / balik ke tempat / dari tempat pertandingan adalah tanggungan kumpulan masing-masing.

3.7 Salinan kad-kad pengenalan peserta nasyid hendaklah **disahkan** dan dikemukakan bersama borang permohonan.

3.8 Urusetia berhak untuk menentukan lagu yang akan dipilih bagi kumpulan negeri dalam kategori yang dipertandingkan untuk Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan dari lagu-lagu yang dipertandingkan di Festival Peringkat Negeri.

3.9 Setiap kumpulan yang mengesahkan penyertaan untuk Festival kali ini akan bertanding di Peringkat Saringan. *Sebanyak 8 kumpulan sahaja dari kategori Tradisi dan Moden akan dipilih bertanding di Peringkat Akhir Festival. * ***Sebarang perubahan tertakluk kepada penyertaan dan pindaan.***

- 3.10 Setiap Kumpulan dikehendaki untuk memastikan kategori lagu yang dipilih sama ada kategori **Moden atau Tradisi** dengan merujuk kepada Urus setia Pertandingan sekiranya tidak pasti sebelum mengesahkan penyertaan.
- 3.11 Para peserta hendaklah menampilkan imej budaya kebangsaan dan Islam dalam penampilan kumpulan mereka semasa persembahan dan tidak menggunakan solekan yang keterlaluan.
- 3.12 Setiap lagu yang dipertandingkan dalam Festival Nasyid ini adalah menjadi hak milik mutlak penganjur.
- 3.13 Sesuatu kumpulan dianggap tidak layak menyertai Festival ini sekiranya mana-mana ahli kumpulannya terdiri daripada penyanyi profesional. (Penyanyi profesional ialah mereka yang telah membuat album sama ada dalam bentuk piring hitam, kaset atau cakera padat baik secara solo mahupun berkumpulan).
- 3.14 Kumpulan yang menang di peringkat Negeri tidak semestinya mewakili Negeri ke peringkat Kebangsaan. Pihak penganjur berhak memilih mana-mana individu yang difikirkan layak untuk mewakili Negeri Pulau Pinang di peringkat Kebangsaan dari mana-mana kumpulan yang masuk bertanding. Pemilihan adalah berdasarkan individu, bukan berkumpulan.

4.0 SYARAT-SYARAT LAGU YANG DIPERTANDINGKAN

- 4.1 Setiap kumpulan Nasyid hendaklah mempersembahkan **1 buah lagu** mengikut kategori pilihan kumpulan nasyid. Kategori Nasyid Tradisi bermaksud lagu yang mengandungi unsur-unsur antaranya *Bayati, Nahwan, Sikah, Ras, Sobah, Hijaz*, dan ala padang pasir manakala Nasyid Moden hendaklah tidak termasuk rentak irama *Rock, Heavy Metal, Jazz* dan *Rap* **tidak melebihi 4 minit 30 saat**. Markah akan di potong jika lagu berkenaan lebih dari masa yang ditetapkan.

- 4.2 Senikata lagu hendaklah dalam Bahasa Melayu, Arab dan Inggeris ataupun gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata di dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.
- 4.3 Senikata dan lagu hendaklah ciptaan yang asal, bebas dari saduran/ ciplak/ plagiat/ dan belum pernah di cetak atau disiarkan untuk sebarang siaran oleh mana-mana pihak.
- 4.4 Lagu-lagu yang telah dipertandingkan pada Festival Nasyid Peringkat Negeri/ Kebangsaan @ mana-mana pertandingan nasyid semua peringkat pada tahun semasa @ tahun yang lalu tidak layak untuk dipertandingkan di festival ini.
- 4.5 **Seorang pencipta lagu** hanya boleh **mencipta satu lagu** untuk **satu kumpulan** sahaja yang bertanding dalam Festival kali ini. Sekiranya terdapat kumpulan lain yang memilih lagu yang dicipta oleh penggubah yang sama, penggubah lagu berkenaan dikehendaki memilih salah satu sahaja untuk dipertandingkan. ****Pengesahan daripada pencipta lagu perlu dikemukakan.***
- 4.6 Lirik lagu hendaklah berunsur nilai-nilai murni Islam yang bersesuaian dengan tema “**Negara Rahmah Ummah Sejahtera**” bertujuan untuk memupuk semangat dakwah Islamiah, kehidupan sejahtera membanteras masalah-masalah sosial, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya. Nama lagu dan lirik tidak boleh menggunakan nama tema.

5.0 IRINGAN MUZIK LAGU-LAGU YANG DIPERTANDINGKAN

- 5.1 Bagi kategori Tradisi/ Moden hendaklah menggunakan kaedah ‘Minus One’ sahaja. Penggunaan alatan muzik adalah tidak dibenarkan.

6.0 PENGHAKIMAN

6.1 Penghakiman akan diadili oleh Sebuah Panel Hakim yang akan dilantik oleh penganjur dan **KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD**. Penghakiman berdasarkan kepada aspek-aspek seperti berikut:

6.1.1 Suara 30 Markah

6.1.2 Lagu 30 Markah

6.1.3 Lirik (mesej) 25 Markah

6.1.4 Persembahan 15 Markah

6.2 Para pemenang Festival Nasyid pada tahun ini ditentukan mengikut kategori dan dikelaskan kepada Johan, Naib Johan dan Ketiga mengikut kategori setelah mengambil kira keseluruhan markah yang diperolehi.

7.0 HAL-HAL LAIN

7.1 Sebarang kehilangan/ kecederaan atau kerugian semasa pertandingan adalah tanggungjawab sendiri dan sebarang tuntutan tidak akan dilayan.

7.2 Urus setia akan menjalankan pertandingan secara saringan, sekiranya terdapat banyak kumpulan yang mengambil bahagian.

7.3 Semua peraturan wajib dipatuhi. Sekiranya gagal mematuhi peraturan pertandingan pihak urus setia berhak membatalkan penyertaan.

7.4 Kumpulan-kumpulan yang berminat untuk menyertai pertandingan ini hendaklah mengisi borang yang disertakan dan dikembalikan kepada:

Urus setia Festival Nasyid
Peringkat Negeri Pulau Pinang
d/a Jabatan Hal Ehwal Agama Islam,
Lebuh Pantai, 10300 Pulau Pinang.

7.5 **Tarikh tutup penyertaan ialah pada 13 September 2019 (Jumaat)**. Borang yang tidak lengkap bersama dokumen yang diperlukan akan ditolak. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Urus setia-**Khairul Aman bin Bistaman 012-5664344 @ Nor Hidayah bt Othman 04-2626817.**